



Ministry of Education  
SINGAPORE



# Orang Singapura Bersatu!



Click to listen to the songs

Klik untuk mendengar lagu



# Sekapur Sirih

Sumbangan Almarhum Pak Zubir Said semestinya tiada tolok bandingnya di negara ini. Selain menggubah lagu kebangsaan kita, beliau telah meninggalkan banyak khazanah muzik bagi masyarakat Melayu tempatan. Lagu-lagu Almarhum Pak Zubir mencakupi pelbagai aspek kehidupan. Dalam karya-karya tersebut tersulam nilai-nilai murni yang boleh dijadikan teladan bagi warga Singapura, agar kita terpanggil untuk sama-sama membina negara yang maju lagi utuh. Anugerah seni yang mengalir dalam diri Almarhum Pak Zubir sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. Dengan sentuhan emas beliau, kita dapat menikmati karya-karya beliau hingga hari ini.



Melalui projek Orang Singapura - Bersatu! Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC) berhasrat untuk mengabadikan ciptaan-ciptaan yang berharga ini. Keperluan bagi mengumpulkan karya-karya Almarhum Pak Zubir Said ini menjadi semakin genting apabila semakin banyak penghasilan Almarhum Pak Zubir Said hilang ditelan zaman. Projek ini merupakan usaha kedua MLLPC selepas berjaya mengumpulkan sepuluh lagu Almarhum Pak Zubir dalam projek awal - Projek Orang Singapura. Projek Orang Singapura - Bersatu! memuatkan sepuluh buah lagu yang sesuai dinikmati oleh setiap lapisan usia. Antara lagu-lagu yang disertakan dalam kompilasi kali ini ialah lagu-lagu yang malar segar dan telah diberikan nafas baharu seperti "Sayang di Sayang" dan "Setangkai Kembang Melati".

Dengan usaha ini, saya berharap generasi muda pada masa hadapan dapat menikmati keindahan nada, irama dan kata-kata yang dipersembahkan dalam lagu-lagu Almarhum Pak Zubir Said. Semoga segala jasa Almarhum Pak Zubir Said sentiasa dikenang dan disanjung masyarakat kita.

Nona manis nama timangan,  
Berasal dari Kalimantan;  
Jasa bakti jadi kenangan,  
Budi baik dalam ingatan.

## Dr Mohamad Maliki Bin Osman

Menteri, Pejabat Perdana Menteri dan  
Menteri Kedua Pendidikan dan Ehwal Luar  
Pengerusi MLLPC

# Prolog

Setiap kali kita menyanyikan atau mendengar lagu kebangsaan “Majulah Singapura”, hati kita berdetak. Pastinya kita teringat akan masa silam dan merenung masa hadapan. Bukan sahaja mengenai diri dan orang di sekeliling kita tetapi juga negara yang kita cintai, Singapura.

Demikian juga perasaan kita apabila lagu “Semoga Bahagia” beralun. Semangat kita berkobar agar kita lebih tabah dan tidak mengenal erti putus asa dalam mencapai cita-cita. Kita juga diingatkan bahawa dalam usaha sebegini, kita harus mempamerkan kesungguhan agar “kita ada harga di mata dunia”.

Tahan lasak, kuat berusaha, bertatatertib, hormat orang tua merupakan antara ciri dan nilai murni yang diharapkan dapat dipupuk untuk membentuk jati diri kita apabila lagu “Orang Singapura” dihasilkan. Tidak dinafikan lagi, ciri dan nilai ini telah meletakkan kita di persada dunia dan dikenali.

Dan, orang yang mengingatkan kita akan hal-hal murni ini ialah penggubah lagu-lagu tersebut, Almarhum Pak Zubir Said.

# Latar Belakang Pak Zubir Said

Zubir bin Mohamad Said atau lebih kita kenali dengan nama Pak Zubir lahir di desa Tilatang, Bukittinggi, Sumatera pada 22 Julai 1907.


Berketurunan Minangkabau, beliau merupakan abang sulung kepada dua orang adik lelaki dan tiga orang adik perempuan.

Pak Zubir mendapat pendidikan di sekolah Belanda selama 11 tahun sehingga peringkat sekolah menengah. Bapanya ingin beliau bekerja sebagai askar atau pegawai dalam pentadbiran Belanda dan mewarisi tugasnya sebagai penghulu serta mengusahakan ladang mereka sendiri. Namun, Pak Zubir mempunyai cita-cita yang berbeza.

Sejak sekolah rendah Pak Zubir meminati muzik yang didorong guru muziknya. Pada usia 19 tahun, Pak Zubir terlibat dalam kumpulan keroncong dan menjadi ketuanya.

Beliau rajin belajar dan pandai bermain beberapa alat muzik seperti gitar, seruling, dram, biola dan piano.

Tidak lama kemudian, Pak Zubir membuat keputusan meninggalkan kampung halamannya dan mencuba nasib di Singapura.



# Tarikan Singapura dan Kerjaya Pak Zubir

Singapura terkenal sebagai pusat tumpuan pelbagai bidang kehidupan – pendidikan, perniagaan, pusat penerbitan, kesenian dan sebagainya. Ramai orang yang berhijrah ke Singapura semasa zaman pemerintahan British untuk memulakan penghidupan baharu.

Pak Zubir berlabuh di Tanjong Pagar, Singapura pada tahun 1928 ketika berusia 21 tahun. Beliau menetap di daerah Kampong Jawa/Kampong Gelam.

Bermula sebagai pemain biola dalam orkestra bangsawan, Pak Zubir kemudiannya diangkat menjadi ketua dengan 14 ahli muzik di bawah pimpinannya.

Dalam kumpulan bangsawan inilah, Pak Zubir banyak didedahkan dengan muzik pelbagai bangsa seperti Cina, India, Arab dan Eropah kerana cerita-cerita bangsawan ketika itu tidak tertumpu pada cerita-cerita dari daerah Melayu sahaja. Beliau juga dapat menjelajah ke Malaya (sekarang Malaysia).

Pak Zubir mendapat peluang bekerja sebagai penyelia sebuah syarikat rakaman piring hitam, HMV (*His Master's Voice*) pada tahun 1935. Hal ini membolehkan Pak Zubir untuk bertemu dan merakamkan lagu-lagu nyanyian ramai penyanyi dari pelbagai bangsa, dari dalam dan luar Singapura.



Lagu-lagu yang dirakamkan merupakan lagu-lagu Melayu, Cina dan Inggeris. Pak Zubir terpaksa memahirkannya untuk melatih para pemuzik dan penyanyi dalam menjalankan tugas tersebut. Beliau berkhidmat dengan HMV sehingga Perang Dunia Kedua meletus.

Pak Zubir berserta keluarganya meninggalkan Singapura buat sementara waktu dan pulang ke Sumatera untuk berlindung. Beliau sekeluarga pulang semula ke Singapura pada tahun 1947.

Pada 1949, Pak Zubir mula menceburkan diri dalam dunia filem Melayu apabila beliau berkhidmat dengan Shaw Brothers yang menerbitkan filem-filem Melayu di Jalan Ampas, Singapura. Beliau mencipta lagu untuk filem-filem Shaw Brothers dan memperkenalkan suara latar (*dubbing*) untuk filem-filem Melayu. Pak Zubir berkhidmat dengan Cathay-Keris, sebuah badan penerbitan filem-filem Melayu, dari tahun 1950 sehingga tahun 1964.

Lagu-lagu ciptaannya semasa berkhidmat dengan Cathay-Keris mendapat sambutan orang ramai. Pak Zubir lah yang memperkenalkan muzik latar (*background music*) untuk filem-filem Melayu.

Pak Zubir telah melibatkan diri sebagai pengubah lagu untuk lebih daripada 33 filem Melayu. Setelah bersara dari Cathay-Keris pada tahun 1964, Pak Zubir bertugas sebagai guru muzik sepenuh masa sehingga ke akhir hayatnya pada tahun 1987.

# Pak Zubir, Lagu-lagu Patriotik dan Falsafah Seninya

Pak Zubir dikenali sebagai seorang insan yang kuat disiplin, melakukan tugas dengan bersungguh-sungguh, selalu mempertingkatkan ilmu pengetahuan, bersikap rendah diri dan peramah. Namun, Pak Zubir tidak terpanggil untuk mencipta lagu-lagu yang kontang dari segi nilai budaya yang murni.

Beliau memastikan agar lagu-lagu patriotik, lagu-lagu kanak-kanak, dan lagu-lagu untuk khalayak orang ramai disulami kata-kata dan nilai-nilai indah selain irama yang memikat hati. Beliau melihat muzik berperanan untuk membentuk watak manusia demi kehidupan yang lebih baik.

Lagu kebangsaan, "Majulah Singapura", dicipta pada tahun 1958 untuk Bandar Raya Singapura (*Singapore City Council*). Lagu tersebut kemudian dimainkan semasa pembukaan rasmi Dewan Peringatan Victoria (*Victoria Memorial Hall*) pada 6 September 1958.



Semasa Singapura menjadi negara dengan pemerintahan sendiri pada tahun 1959, lagu "Majulah Singapura" dipilih oleh Dewan Perundangan Singapura (*Singapore Legislative Assembly*) sebagai lagu kebangsaan Singapura pada 11 November 1959. Pilihan ini amat mengharukan dan membanggakan Pak Zubir.

Sumbangan ini dianggap Pak Zubir sebagai hadiah untuk sebuah negara yang dicintainya. Bagi beliau, lagu kebangsaan "Majulah Singapura" ini seakan-akan doa dan harapan untuk negara dan masyarakat Singapura sepanjang masa.

Pada pendapat Pak Zubir, seni muzik ada peranannya dalam kehidupan dan peradaban manusia. Seperti pujangga silam kita, beliau yakin bahawa seni untuk bukan hanya menghibur tetapi juga mengajar.

Dalam satu wawancara pihak Jurnal Jejak Kembara dengan Pak Zubir, yang diadakan di rumahnya, di 190A, Joo Chiat Place, pada 19 Oktober 1984, Pak Zubir menegaskan bahawa,

"Muzik itu bukanlah sesuatu yang melewakan atau  
menghilangkan tatasusila sesuatu bangsa atau  
masyarakat."

Banyak yang perlu dipelajari dan didokumentasikan agar khazanah muzik kita tidak hilang begitu sahaja, menurut Pak Zubir.


Dan, Pak Zubir juga berpesan bahawa walaupun angin perubahan itu akan muncul, bak kata pepatah, "sekali ombak melanggar pantai, sekali tepian berubah", seseorang itu harus pandai membuat pilihan seperti katanya dalam wawancara tersebut:

"Begitu juga halnya dengan seorang pemain muzik, pencinta muzik. Keadaan sekitar mungkin akan membantu pembentukan seorang ahli muzik, sama ada yang berfaedah atau yang merugikan.

Hanya tepian atau pantai yang tahan lasak yang dapat menangkis gelombang yang datang.

Dengan begitu, proses perkembangan muzik akan ikut berubah. Pengaruh dan perubahan akan tetap ada.

Pokoknya, bagaimanakah kita memakai dan menggunakan perubahan itu? Ini mengkehendaki ketelitian dan kewarasan fikiran dan pertimbangan."



Seni, bagi Pak Zubir, bukan perkara remeh tetapi sesuatu yang boleh memperkaya kehidupan dan menjadikan manusia dan masyarakatnya lebih harmoni, bersatu-padu dan saling menghormati. Hal ini seperti yang diserlahkan dalam sebilangan besar lagu ciptaananya.

Beliau didedahkan kepada budaya Minang dan Nusantara yang kaya, disulami oleh pelbagai budaya dan pengaruh yang ditemui dan dikajinya.

Dengan meneliti kehidupan Pak Zubir, kita amat teruja dengan semangatnya yang gigih untuk mencuba sesuatu yang baharu, keinginanannya untuk berani belajar dan meningkatkan ilmu. Malah, ketulusannya dan kerendahan hati dalam memberikan sumbangan seninya kepada masyarakat menjadikan beliau suri teladan dan insan Airf Budiman yang disanjungi.

# Epilog

Pak Zubir telah diberi beberapa penghargaan kerana sumbangan seninya:

1. **Sijil Penghargaan dan Bintang Perkhidmatan Awam** pada tahun 1962 kerana menjadi penggubah Lagu Kebangsaan Singapura.
2. **Sijil Kemuliaan dan Bintang Bakti Masyarakat** pada 16 Mac 1963, daripada Yang Di Pertuan Negara Singapura, Encik Yusof bin Ishak.



3. **Jasawan Seni**, pada 1971, daripada lapan pertubuhan budaya Melayu Singapura iaitu Persatuan Kebudayaan Melayu Singapura (PKMS), Perkumpulan Seni, Sriwana, Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu (4PM), Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit), Angkatan Sasterawan '50 (Asas 50), Angkatan Pelukis Aneka Daya (APAD), Kesatuan Guru-Guru Melayu Singapura (KGMS) dan Taman Bacaan Pemuda Pemudi Melayu Singapura.
4. **Anugerah Sangeetha Kalabooshan** pada 30 Mac 1974, Singapore Indian Film, Arts and Dramatic Society.
5. **Anugerah Sri Budiman** oleh Sriwana pada 20 Disember 1980.

- 
- 
6. **Anugerah Kebudayaan dan Komunikasi ASEAN** pada 24 Ogos 1987.
  7. Sebuah jalan dinamakan '**Zubir Said Drive**', yang menempatkan Sekolah Seni Singapura.
  8. **Anugerah Sepanjang Hayat** pada 17 April 1995, daripada Compass (Persatuan Penggubah dan Penulis Singapura) yang diberikan setelah ketiadaan Pak Zubir. Malah, sejumlah buku dan dokumentari mengenai Pak Zubir telah diterbitkan di Singapura dan Malaysia.

Semasa hayatnya, Pak Zubir telah mencipta lebih daripada 1500 lagu tetapi sebahagian besar telah hilang dan tidak dapat didokumentasikan.

Beliau juga, seperti kebanyakan seniman silam kita, tidak mendapat royalti daripada sebilangan besar karya ciptaannya. Pak Zubir tidak pernah menjadi kaya kerana penglibatan seninya. Namun, beliau menjadi 'kaya' dalam kegigihan beliau untuk berkongsi ilmu, mendidik dan menyumbang dalam menambahkan khazanah seni kita.

Ketulusannya dalam bidang seni serta keinginan teguhnya untuk melihat masyarakat, terutamanya anak-anak kita, membesar dengan sopan, berani, berseni dan tidak melupakan budaya dan jati diri serta tidak mengenal erti putus asa, sering mewarnai karya-karyanya.

Seperti yang dilakukan dalam lagu “Budi Yang Baik”, yang diambil daripada pantun tradisional kita:

Pulau Pandan jauh ke tengah,  
Gunung Daik bercabang tiga;  
Hancur badan dikandung tanah,  
Budi yang baik dikenang juga.

Pak Zubir Said meninggal dunia pada 16 November 1987 di Joo Chiat Place, Singapura.

Namun, jasa dan budi baik beliau akan tetap dikenang bukan hanya untuk generasi ini tetapi generasi-generasi mendatang di Singapura dan di seluruh Nusantara.



Rumah Pak Zubir yang kini didiami oleh keluarga lain.

## Harapan MLLPC

Sehubungan dengan itu, MLLPC mengambil langkah proaktif untuk melestarikan karya-karya Pak Zubir.

Usaha sama dengan penyusun muzik tempatan serta penyanyi-penyanyi muda yang berbakat diteruskan. Hasilnya dikongsi dengan setiap lapisan masyarakat, bermula dari peringkat prasekolah hingga ke institusi pengajian tinggi. Malah, masyarakat umum juga dapat mengenali dan menikmati lagu-lagu beliau melalui platform digital.

Kami amat mengharapkan sokongan daripada setiap pertubuhan masyarakat, badan-badan seni, dan media tempatan agar hasil ini dapat terus disebarluaskan.

# BERSATU

Persembahan oleh:

Suryana Norddin, Reyza Hamizan, Syah Riszuan, Ainul Yaqin

## Rangkap 1

Tujuan kita bersama  
Membina satu negara  
Yang berdaulat berbahagia  
Yang merdeka dan sentosa

## Rangkap 2

Kita mestilah bersatu  
Yang saling bantu-membantu  
Dengan hati jujur  
Tiap waktu  
Baru dapat kita maju

## Korus

Bersatu teguh  
Tak mungkin lumpuh  
Bercerai kita roboh  
Tujuan kita membangun bangsa  
Untuk kita bersama!

## Rangkap 3

Negara kita yang mulia  
Mesti kita pelihara  
Supaya makmur dan jaya,  
Jangan sampai sia-sia

## Rangkap 4

Bangunlah wahai pemuda  
Gerakkan tenaga kesatria  
Gotong-royong sama-sama  
Bersatu-padu bergerak maju  
Dengan seiring bahu

## Korus

Tujuan kita makmur bahagia  
Untuk rakyat merdeka!  
Tujuan kita makmur bahagia  
Untuk rakyat merdeka!

## Rangkap 5

Bangunlah bangun pemuda  
Mulailah kerja sama  
Dengan tenaga perkasa  
Sebagai sumbangan jasa

## Rangkap 5

Kita satu rumpun bangsa  
Di bawah satu bendera  
Hanya mempunyai satu negara  
Lingkungan satu bahasa

## Korus

Kuat pemuda, kuat bangsanya  
Makmur pula negara mari bersatu  
Bekerjasama Untuk tetap merdeka

Kuat pemuda, kuat bangsanya  
Makmur pula negara  
Mari bersatu bekerjasama  
Untuk tetap merdeka



**Click to listen to the songs**

Klik untuk mendengar lagu

# BINTANG HATI

Persembahan oleh: Syah Rizuan & Ainul Yaqin

## Rangkap 1

Wahai adinda muda remaja  
Apa gerangan durja  
Adakah bahagia  
Sentosa serta suka ria

## Rangkap 2

Wahai kekanda  
Junjungan beta  
Hidup kita berdua  
Sungguh berbahagia  
Dinda rasa sangat mulia

## Korus

Bintang-bintang di angkasa raya  
Sentiasa memberi cahaya  
Bintang timur cemerlang sendiri  
Sentiasa tersenyum berseri

## Bridge

Tetapi hanya dindaku  
Yang mulia ini  
Jadi bintang hati

## Rangkap 3

Bintang hatiku  
Cahaya kalbu  
Jiwaku, intanku  
Selama-lama

## Rangkap 4

Bintang hatiku  
Cahaya kalbu  
Jiwaku, intanku  
Selama-lama

## Korus

Bintang-bintang di angkasa raya  
Sentiasa memberi cahaya  
Bintang timur cemerlang sendiri  
Sentiasa tersenyum berseri

Bintang-bintang di angkasa raya  
Sentiasa memberi cahaya  
Bintang timur cemerlang sendiri  
Sentiasa tersenyum berseri

## Outro

Tetapi hanya dindaku  
Yang mulia ini  
Jadi bintang hati

# BUDI BAHASA

Persembahan oleh: Reyza Hamizan & Syah Riszuan

## Rangkap 1

Budi dan bahasa serta timbang rasa  
Dapat menawan hati musuh yang perkasa

## Rangkap 2

Kita harus jaga dengan hati suci  
Budi bahasa tak dapat dijual beli

## Bridge

Kasih mesra dengan jujur rukun bersaudara  
Akan dapat memadamkan sifat yang angkara  
Kasih mesra dengan jujur rukun bersaudara  
Akan dapat memadamkan sifat yang angkara

## Rangkap 2

Budi dan bahasa serta timbang rasa  
Dapat menawan hati musuh yang perkasa

## Rangkap 3

Sudilah berjasa antara sebangsa  
Tawakallah pada Tuhan Maha Esa  
Kita harus jaga dengan hati suci  
Budi bahasa tak dapat dijual beli  
Budi bahasa tak dapat dijual beli

# BUNGA DAN BUDI

Persembahan oleh: Suryana Norddin & Reyza Hamizan

## Rangkap 1

Alangkah indahnya bunga  
Oh melati dengan kenanga  
Aduhai sungguh menyegar sanubari  
Yang mana bunga menawan  
Bunga tanjung di hujung dahan  
Semerbak bau yang mewangi

## Rangkap 2

Apakah kembang pujaan  
Oh kemboja putih rupawan  
Betullah cantik dan berseri  
Manakah pujaan hati  
Bunga mawar kembang sejoli  
Aduhai sungguh suci murni

## Korus

Aah... Oh Bunga  
Aah... Oh Bunga  
Aah...  
Aah... Oh Bunga

## Rangkap 3

Memanglah sungguh mulia  
Ciptaan alam semesta  
Menghibur hati manusia  
Alangkah indahnya budi  
Jika hidup damai abadi  
Laksana taman bunga suci

## Korus

Aah... Oh Budi  
Aah... Oh Budi  
Aah...  
Aah... Bunga dan Budi

# BUNGA TELUR NASI MINYAK

Persembahan oleh:  
**Suryana Norddin, Reyza Hamizan, Syah Riszuan, Ainul Yaqin**

## Rangkap 1

Mari kita pergi ke tempat kenduri  
Mari kita pergi ke tempat kenduri  
Di rumahnya Che Awang di  
Kampung Changi  
Di rumahnya Che Awang di  
Kampung Changi

## Rangkap 2

Pengantin baru anaknya Pak Ali  
Pengantin baru anaknya Pak Ali  
Nikahnya tadi malam di rumah kadi  
Nikahnya tadi malam di rumah kadi

## Korus

Bunga telur nasi minyak  
Perut kendur jadi kenyang  
Bunga telur nasi minyak  
Dekat rumah minah sopak

Mari adik mari abang  
Pergi ke rumah Che Awang  
Bunga telur sama lemang  
Perut kendur jadi tegang

## Rangkap 3

Banyak orang yang datang melawat  
Banyak orang yang datang melawat  
Joget pun ada jugak, tiga dan empat  
Joget pun ada jugak, tiga dan empat

## Rangkap 4

Pengantinya duduk bersanding dekat  
Pengantinya duduk bersanding dekat  
Dalam pelamin baru duduk berdekat  
Dalam pelamin baru duduk berdekat

## Korus

Bunga telur hijau merah  
Nasi minyak satu piring  
Sila tuan sila nyonya  
Makan cepat potong kambing

Bunga telur nasi minyak  
Nasi kunyit panggang ayam  
Bawa pulang untuk anak  
Dapat berkat siang malam

## Korus

Bunga telur hijau merah  
Nasi minyak satu piring  
Sila tuan sila nyonya  
Makan cepat potong kambing

Bunga telur nasi minyak  
Nasi kunyit panggang ayam  
Bawa pulang untuk anak  
Dapat berkat siang malam

# CANTIK MENGHIJAU

Persembahan oleh: Reyza Hamizan

## Rangkap 1

Dengarlah burung-burung berkicau-kicau  
Seakan berdendang menghilangkan risau  
Lihatlah lembah-lembah luas cantik menghijau  
Menggambarkan wajah musim kemarau

## Korus

Hatiku senang ku bawa berdendang lagu yang gembira  
riang

Rama-rama serta bunga ikut girang  
Semua bergembira bersentosa di musim kemarau

## Rangkap 2

Sungguh rasa puas di alam yang luas  
Suka-suka hati berdendang menyanyi  
Angin sayu bayu seolah-olah mendayu  
Awan berarak di langit yang biru

## Korus

Hatiku senang ku bawa berdendang lagu yang gembira  
riang

Rama-rama serta bunga ikut girang  
Semua bergembira bersentosa di musim kemarau

## Bridge

Dengarlah burung-burung berkicau-kicau  
Seakan berdendang menghilangkan risau  
Lihatlah lembah-lembah luas cantik menghijau  
Menggambarkan wajah musim kemarau

## Korus

Hatiku senang ku bawa berdendang lagu yang gembira  
riang

Rama-rama serta bunga ikut girang  
Semua bergembira bersentosa di musim kemarau

# NADA MERINDU

Persembahan oleh: Syah Rizuan

## Korus

Banyak rimbang tumbuh di atas tebing  
Hanya suku sahaja yang tumbuh menghijau  
Banyak kumbang beredar di keliling  
Hanya satu ku idam dan ku igau

## Rangkap 1

Wahai angin lalu, bawa pesanku  
Pesan yang penuh nada lagu merindu  
Wahai awan lalu, sampaikan salam  
Hati daku merindu siang malam

## Rangkap 2

Wahai angin lalu, bawa pesanku  
Pesan yang penuh nada lagu merindu  
Jika tidak sampai hajat hatiku  
Dendang lagu merindu selamanya

## Korus

Banyak rimbang tumbuh di atas tebing  
Hanya suku sahaja yang tumbuh menghijau  
Banyak kumbang beredar di keliling  
Hanya satu ku idam dan ku igau

Jika sungai, hai, mengalir ke hulu  
Banyak ikan menghempas di tepi muara  
Jika tidak bertemu yang ku tuju  
Hati dendam tak puas selamanya

## Outro

Wahai angin lalu, bawa pesanku  
Pesan yang penuh nada lagu merindu  
Jika tidak sampai hajat hatiku  
Dendang lagu merindu selamanya

# RAKYAT SINGAPURA

Persembahan oleh:  
Reyza Hamizan, Suryana Norddin, Syah Riszuan, Ainul Yaqin

## Hook

Rakyat Singapura  
Rakyat Singapura...

## Rangkap 1

Perpaduan rakyat  
Singapura abadi selamanya  
Dalam lingkungan aneka bangsa  
Lingkungan satu bendera

## Rangkap 2

Menuju hidup sempurna  
Sampai berjaya  
Hidup makmur dan bahagia  
Dengan bersama-sama

## Korus

Rakyat Singapura  
Rakyat Singapura...  
Rakyat Singapura  
Rakyat Singapura...

## Rangkap 3

Perpaduan rakyat  
Singapura abadi selamanya  
Dalam lingkungan aneka bangsa  
Lingkungan satu bendera

## Rangkap 4

Tetap menjunjung mulia  
Akan lambang dan bendera  
Tetap taat dan sedia  
Mengabdi pada negara

## Hook

Rakyat Singapura  
Rakyat Singapura...  
Rakyat Singapura  
Rakyat Singapura...

# SAYANG DI SAYANG

Persembahan oleh: Ainul Yaqin

## Hook

Angin menderu  
Dahan jatuh menimpa batu.... kuburan  
Angin menderu  
Dahan jatuh menimpa batu... kuburan

## Korus

Murai terkejut berkicau-kicauan  
Langit mendung diliputi awan  
Alamat bumi disirami hujan  
Sayang, disayang...

## Rangkap

Hatiku rindu  
Orang jauh tak lupa dari kenangan

## Korus

Fikiran kusut berisau-risauan  
Sakit untung ditinggalkan abang  
Ibarat kapal tidak berhaluan  
Sayang, disayang...

# SETANGKAI KEMBANG MELATI

Persembahan oleh: Suryana Norddin & Reyza Hamizan

## Rangkap 1

Setangkai kembang melati  
Semerbak mewangi  
Mekar dalam taman  
Taman hati muda remaja

## Rangkap 2

Kusunting kembang melati  
Dalam sanubari  
Sebagai kenangan  
Untuk dikau yang kupuja-puja

## Korus

Bahagialah melati, pujaan abadi  
Kutanam dengan kasih asmara yang suci  
Semoga hidup subur setiap masa  
Dimandikan embun pagi

## Rangkap 3

Setangkai kembang melati  
Semerbak mewangi  
Di dalam rangkaian  
Kasih mesra asmara yang sakti

## Korus

Bahagialah melati, pujaan abadi  
Kutanam dengan kasih asmara yang suci  
Semoga hidup subur setiap masa  
Dimandikan embun pagi

## Rangkap 4

Setangkai kembang melati  
Semerbak mewangi  
Di dalam rangkaian  
Kasih mesra asmara yang sakti

# Penghargaan

MLLPC ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mereka yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

1. Pengerusi MLLPC, Dr Mohamad Maliki bin Osman.
2. Dr Rohana Zubir dan Encik Sujono Zubir, anak-anak kepada Almarhum Encik Zubir Said.
3. Pegawai-pegawai MOE; Cikgu Tajudin Jaffar, Cikgu Salha Mohamed Hussain, Cikgu Asnida Daud dan Cikgu Norsyuhadah Mohd Khaidzir yang menyumbangkan kepakaran mereka untuk projek ini.
4. Bakat-bakat tempatan seperti Reyza Hamizan, Ainul Yaqin, Suryana Norddin dan Syah Riszuan.
5. Universal Music Publishing Sdn Bhd & Universal Music Publishing Pte Ltd.
6. 6 Strings Studio, Wisma Geylang Serai & Balai Rakyat Geylang Serai.
7. Sekretariat MLLPC.